

SESI MENANDATANGANI PERJANJIAN KAD PRIHATIN SISWA

21 FEBRUARI 2022, 3.00 Petang

1. Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Suzeren bin Md Jamil

Pengarah, Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi

2. Yang Berbahagia Dato' Adissadikin Ali

Pengarah Urusan dan Ketua pegawai Eksekutif, RHB Islamic Bank Berhad

3. Yang Berusaha Tuan Ahmad Dasuki Abdul Majid

Ketua Eksekutif, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

4. Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

5. Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTeM

6. Pegawai-Pegawai dari Jabatan Pengajian Tinggi, RHB, PTPTN, Pegawai Kanan UTeM

7. Hadirin Hadirat Sekalian

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, bagi pihak pengurusan UTeM, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan semua ke Kampus Induk UTeM bagi sesi menandatangani perjanjian Kad Prihatin Siswa antara UTeM dan RHB Islamic Bank Berhad.
2. Sebagai makluman hadirin sekalian, UTeM telah memulakan kempen Kampus Tanpa Tunai atau Cashless Campus sejak tahun 2018 lagi, dan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menyemarakkan lagi usaha ini. Antaranya adalah penggunaan kad unidebit di kalangan pelajar dan staf UTeM yang secara langsung menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi ke arah mengadaptasikan teknologi digital dalam landskap pendidikan tinggi.
3. Pada hari ini, UTeM amat bertuah kerana inisiatif murni ini diteruskan lagi menerusi pelaksanaan kad prihatin siswa dengan kerjasama RHB Islamic Bank Berhad. Pastinya kad pintar ini memiliki pelbagai fungsi iaitu sebagai kad ID, kad akses pintu, akses penggunaan perkhidmatan perpustakaan, dan juga merupakan kad bank untuk urusan ATM atau membuat bayaran secara ‘paywave’ yang jelas memudahkan segala urusan siswa dan siswi.
4. Menerusi pemeteraian perjanjian dan usaha-usaha yang telah dipersetujui, inisiatif ini dilihat dapat memudahkan

penyaluran peruntukan atau bantuan kewangan terus kepada akaun pelajar khususnya penyaluran pinjaman PTPTN di samping menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran, keistimewaan, ganjaran serta promosi kepada siswa dan siswi.

5. Difahamkan juga, bagi menyemarakkan lagi pelaksanaan inisiatif murni di samping memelihara kesejahteraan dan kebajikan mahasiswa, menerusi Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia, pihak KPT dan bank telah bersetuju untuk memberi sumbangan tahunan berjumlah RM 20.50 bagi setiap pelajar yang menggunakan kemudahan Kad Prihatin Siswa.
6. Bagi pihak UTeM, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak KPT, RHB Bank, PTPTN dan Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia kerana memberikan kerjasama baik dalam menjayakan agenda berimpak ini.
7. Akhir kata, diharapkan inisiatif murni ini dilaksanakan secara berterusan bagi mewujudkan persekitaran kampus pintar yang lebih kondusif dengan penerapan elemen teknologi terkini sejajar dengan Revolusi Industri 4.0.

Di atas para tersusun lilin,

Malam disuluh bulan purnama,

Perjanjian dimeterai, kerjasama terjalin,
Solusi pintar, kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.

